



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf **Bumiputera** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
1.	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 1 – Seri Manjung Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKPPB SH NO. 15 / 2019				
2.	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 2 – Kampung Koh / Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKPPB SH NO. 16 / 2019				
3.	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 2 – Kawasan Perindustrian Kampung Acheh / Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKPPB SH NO. 17 / 2019	221002 dan 221006	01 Julai 2019 hingga 08 Julai 2019	08 Julai 2019 jam 12.00 tengahari	RM30.00
4.	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 3 – Ayer Tawar Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKPPB SH NO. 18 / 2019				
5.	Sebut Harga Kerja – Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 3 – Pantai Remis Dan Beruas Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKPPB SH NO. 19 / 2019				

2. Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai **01 Julai 2019** sehingga **08 Julai 2019** mengikut waktu berikut:

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN, MPM	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh di atas.

3. Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung**. Kontraktor yang tidak mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung, tidak dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga untuk mengelakkan kelewatan pembelian dan penghantaran Dokumen Sebut Harga.
4. Semasa pembelian Dokumen Sebut Harga, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut bersama **CAP SYARIKAT**:
 - a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih berkuatkuasa;
 - b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
 - c. Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 08 Julai 2019**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
6. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
PERAK DARUL RIDZUAN.**